

MEI | MIGRASI

Membawa maksud PERPINDAHAN atau PERUBAHAN. Pekerja ialah seseorang yang bekerja dengan menerima upah atau ganjaran dalam pelbagai bentuk. Sama ada ganjaran itu tinggi atau rendah, berpangkat atau tidak, hakikatnya kita adalah pekerja. Kita bekerja berdasarkan matlamat yang sangat penting iaitu membawa perubahan daripada negatif kepada positif, lemah kepada kuat, mundur kepada maju, dan terbaik kepada cemerlang.

Persoalan besar timbul ialah bagaimanakah cara kita untuk membawa perubahan menuju kecemerlangan ini?. Kecemerlangan tidak akan datang bergolek tanpa usaha yang gigih, tidak datang melayang tanpa tekad dan azam yang kuat. Justeru, kecemerlangan seluruh warga Malaysia umumnya, dan kakitangan awam dan swasta khususnya memerlukan cara tersendiri untuk mencapainya. Selari dengan ajaran Islam, Allah s.w.t. telah menegur umat manusia supaya berani membuat perubahan dalam semua aspek kehidupan. Sikap ini dikenalpasti memajukan lagi prestasi dan kualiti keinsanan seseorang.



Firman Allah s.w.t. dalam surah ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud, "Bagi setiap seorang ada malaikat penjaganya dari hadapan dan belakangnya, yang menjaganya dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila dikehendaki oleh Allah keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolak, dan tidak ada pelindung bagi mereka selain daripada-Nya."

Apa yang nyata, keperibadian mulia seorang pekerja dan majikan, hendaklah diberikan penanda aras paling tinggi dan utama. Ini kerana jika pekerja dan majikan bersifat amanah serta tidak menyalahguna pangkat atau kuasa dalam mentadbir; nescaya akan mendapat keredhaan Allah s.w.t., mendapat keberkatan rezeki, dipercayai oleh pekerja dan organisasi, serta membawa kemakmuran kepada organisasi.

Semoga kita semua akan saling amanah dalam membawa perubahan kepada persekitaran, budaya dan cara bekerja kita dalam usaha mendapat keredhaan Allah. Sesungguhnya apa yang terbaik adalah gabungan antara doa dan usaha yang sempurna akan membawa kepada kejayaan yang diimpikan.

JUN | JITU

Jitu membawa erti kena pada tempatnya, tepat dan benar; sesungguhnya dengan usaha dan semangat yang jitu akan mendorong kita untuk mencapai sasaran dan matlamat yang telah kita tetapkan di awal tahun dahulu.

Bagaimanapun, untuk mencapai matlamat dan impian, kita perlu berubah dan melebihi usaha daripada memikir. Tidak dinafikan, strategi dan perancangan sememangnya perlu, akan tetapi usaha adalah dua kali ganda lebih perlu, apatah lagi usaha anda melibatkan kerjaya, kewangan dan kekeluargaan. Orang-orang berjaya melebihi usaha dari duduk bersembang, berfikir dan mengkritik hal-hal dunia.

Jika strategi atau pemikiran yang direncanakan hanya elok dipamerkan di atas kertas tetapi tidak disusuli dengan usaha untuk merealisasikannya, maka jadilah ia sekadar hiasan sahaja. Jika anda ingin menjadi seorang yang berjaya, anda perlu melatih diri sendiri untuk bekerja dengan jitu, berusaha dan kurangkan bercakap, berbahas dan bersembang kosong. Bukan maksud ia tidak boleh tetapi ianya perlu dikurangkan. Seminit membuat kerja, lebih berguna dari 11 minit bersembang kosong soal dunia yang tidak dapat kita kawal sebagai contoh ekonomi, penyakit dan inflasi. Jangan hampirkan diri dengan orang yang hanya tahu bercakap, tapi mengelak berusaha. Jauhkan diri dari orang yang bijak memikir, tapi kurang kurang bijak dalam bertindak.

Fikiran hanya menimbulkan idea, tapi realiti terbina bila idea itu diusahakan, dijelmakan ke dunia sebenar. Contoh? Menara berkembar Petronas, Litar F1 Sepang dan kereta Proton hanya idea seorang lelaki bernama Tun Dr Mahathir, tapi ia berjaya dijelmakan ke dunia realiti, dunia sebenar kita hanya kerana beliau melebihi usaha dari memikir.

Tak kira siapa anda, pelajar, pegawai, kerani, operator, pengawal atau pensyarah, lebihkan usaha dari memikir. Memikir hanya di peringkat permulaan, tapi usaha anda membuatkan anda sampai ke akhir garisan. Mungkin, anda sampai lebih dulu dari orang lain disekeliling anda!

Idea dan usaha yang jitu pasti akan membuahkan hasil yang kena pada tempatnya! Renungkanlah.....



Menurut Kamus Dewan, "JIWA" membawa banyak erti jika dilihat dari pelbagai aspek yang berbeza. Misalnya, jika kita melihat dari sudut pengorbanan, JIWA membawa maksud daya usaha yang bersungguh-sungguh dan jika dinilai dari aspek hubungan ia memberikan erti sepakat dan hubungan yang erat.

Apabila perkataan JIWA ditambah dengan imbuhan menjadi MENJIWAI ia pula membawa pengertian memberi semangat atau memberi sepenuhnya tanpa sebarang ragu. Untuk melakukan apa jua kerja dengan sepenuh JIWA raga, kita perlu berubah. Baik persekitaran tempat kerja, cara melaksanakan tugas mahupun diri kita sendiri, perlulah sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. Masa berubah, persekitaran berubah, selera juga pastinya berubah.

Apa yang penting ialah kita perlu berubah ke tahap lebih baik. Dan salah satu yang utama perlu kita ubah ialah membina fikiran positif kerja. Ramai yang beranggapan ia sesuatu yang berat untuk dilaksanakan, tetapi bagi saya, ia tidak seberat mana, cuma perlu kerap diulang-ulang dan anda perlu memberikan fokus dari aspek fikiran, pandangan, pendengaran dan pengamatan pada setiap perkara yang baik. Jika berjumpa perkara yang negatif atau tidak baik, apa yang perlu kita lakukan ialah untuk tidak melayan, tidak memikir tentangnya dan melupakannya saja. Memang diakui, hanya segelintir sahaja dari kita mampu melaksanakannya dengan cukup bagus. Maka sebab itu jugalah mengapa dalam 10 orang, hanya ada 1 orang berfikiran positif. Dan atas sebab itulah, anda perlu menjadi lain daripada yang lain. Orang sekeliling mungkin akan memandang serong pada anda, kerana cara anda berfikir, melihat sesuatu dan bercakap tidak serupa dengan kebanyakan orang. Tetapi itulah harga yang perlu dibayar untuk menjadi seorang yang positif.

Percayalah, setiap apa yang kita lakukan perlu dengan sepenuh JIWA dan niat yang positif - menerima pelajar baru dengan niat positif, melaksanakan tugas dengan sepenuh hati serta membimbing pelajar baru dengan kesleuruhan JIWA raga dan percayalah, segala pengorbanan dan usaha anda itu akan dibayar oleh Allah.

Dari Meja **Naib Canselor**

Oleh : Norismiza Ismail norismiza@unimap.edu.my
Suhana Abdul Mutalib suhana@unimap.edu.my

